# MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

## MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

## BILANGAN 9 TAHUN 2022

| | | |
|---|---|---|
| **TARIKH** | **:** | **27 SEPTEMBER 2022 (SELASA)** |
| **MASA** | **:** | **2.30 PETANG** |
| **TEMPAT** | **:** | **HOTEL THE WEMBLEY A ST GILES, PULAU PINANG** |

**HADIR**

1. **YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim,** ***D.I.M.P.***
   Yang Dipertua, MPKL - Pengerusi

2. **Y.A.D. Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin Tengku Harun,**
   ***D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.***
   Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya
   Orang Besar Daerah Kuala Langat

3. **Cik Ang Lee Yong**
   Ahli Majlis

4. **Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman**
   Ahli Majlis

5. **Encik Mohd Safiee bin Harun**
   Ahli Majlis

6. **Encik Wong Kim Loon**
   Ahli Majlis

7. **Encik Nadasan a/l Subramani**
   Ahli Majlis

8. **Encik Haridass a/l Ramasamy**
   Ahli Majlis

9. **Encik Gan Yee Chin**
   Ahli Majlis

10. **Encik Lim Tou Yih**
    Ahli Majlis

11. **Encik Razali bin Ahmad**
    Ahli Majlis

12. **Puan Nor Aishah binti Abdul Majid**
Ahli Majlis

13. **Puan Rahimah binti Harun**
Ahli Majlis

14. **Encik Yong Keh Chyn**
Ahli Majlis

15. **Encik Abu Bakar bin Mohamad**
Ahli Majlis

16. **Encik Naharanuar bin Ayob**
Ahli Majlis

17. **Puan Rogayah binti Ibrahim**
Ahli Majlis

18. **Encik Norazmi bin Mohamed Tahir**
Ahli Majlis

19. **YBhg. Dato' Sundararaju a/l Veerappan,** ***D.I.M.P., P.J.M., P.P.A.***
Ahli Majlis

20. **Encik Tan Wee King**
Ahli Majlis

21. **Puan Thanaletchumy a/p Muthusamy**
Ahli Majlis

22. **Encik Panalsalwa a/l R Kuppan**
Ahli Majlis

23. **Encik Zulkipli bin Said**
Ahli Majlis

24. **Encik Abd Razak bin Ramli**
Ahli Majlis

25. **TPr Haji Arpaaii bin Haji Sanat,** ***A.M.S., P.P.T., P.K.T.***
Setiausaha, MPKL

**TURUT HADIR**

1. **Encik Zulkefli bin Mohamed Arif,** ***P.P.T.***
Pengarah Jabatan Kejuruteraan

2. **Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramlan,** ***P.P.T.***
Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan

3. **Encik Kamarulzaman bin Ahmad,** ***P.J.K.***
Pengarah Jabatan Perbendaharaan

4. **Puan Lisawati binti Abd. Karim**
Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

5. **Encik Abdul Rahman bin Abdul Manap,** ***P.J.K.***
Wakil Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan

6. **Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap**
Pengarah Jabatan Landskap

7. **Puan Nordila binti Yasir**
Pengarah Jabatan Pelesenan

8. **Encik Wan Putara Noor Shahan bin Ngadirin**
Pengarah Jabatan Penguatkuasaan

9. **Puan Norain binti Mohamed**
Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan
Kesihatan Persekitaran

10. **Encik Syamsol Herwan bin Ahmad**
Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan

17. **Puan Hashila binti Hamzah**
Pengarah Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat

11. **Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin,** ***P.P.T.***
Ketua Bahagian Teknologi Maklumat

12. **YBhg. Datin Mohaneswary a/p Batumalai@Subaramaniam**
Ketua Unit Audit Dalam

13. **Tuan Haji Fauzi bin Din,** ***P.J.K.***
Ketua Unit Perundangan

14. **Tuan Haji Nordin bin Haji Hashim**
Ketua Unit Pusat Setempat

15. **Encik Mohd Shauki bin Jamaludin**
Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan

16. **Puan Kamazulsaliza binti Kamarulzaman**
Ketua Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra

**DIJEMPUT HADIR**

1. **Encik Abdul Rahman bin Ishak**
Pengarah Urusan, InfraSel Sdn. Bhd.

2. **Tuan Haji Mohamed Fariz bin Ghazali**
Ketua Pegawai Operasi, InfraSel Sdn. Bhd.

3. **Encik Dazrin bin Mohd Darbi**
Ketua Pegawai Perundangan, InfraSel Sdn. Bhd.

4. **Encik Mohd Bazli bin Kamin**
Ketua Pegawai Kewangan, InfraSel Sdn. Bhd.

5. **Encik Jafrikhairi bin Mhd Idris**
Pengarah Eksekutif, InfraSel Sdn. Bhd.

6. **Encik Abdul Hamid bin Hassan**
Pengurus Kanan Kontrak, InfraSel Sdn. Bhd.

7. **Encik Abdullah Hanif bin Abd Ghalib**
Penyelaras Projek, InfraSel Sdn. Bhd.

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

1. **Encik Lim Lip Suan**
Ahli Majlis

**URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

1. **Encik Muhammad Faiz bin Jambri**
Pegawai Tadbir

2. **Encik Abdul Mutalib bin Mohd Yunus**
Penolong Pegawai Tadbir

3. **Puan Nur Hazlynda binti Sahimi**
   Pembantu Setiausaha Pejabat

4. **Puan Rosmawati binti Othman**
   Pembantu Setiausaha Pejabat

5. **Encik Mohd Sahlan bin Tukiran**
   Pembantu Operasi

6. **Encik Shahril bin Sairon**
   Pembantu Operasi

| PERKARA | TAJUK PERKARA | | TINDAKAN |
|---|---|---|---|
| **1.0** | **BACAAN DOA** | | |
| | Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Tuan Haji Fauzi bin Din, Ketua Unit Perundangan. | | **Makluman** |
| **2.0** | **TAKLIMAT CADANGAN KONTRAK JANGKA PANJANG PENYELENGGARAAN JALAN-JALAN DI BAWAH SELIAAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT (MPKL) SELANGOR DARUL EHSAN** | | |
| | 2.1 | Taklimat telah disampaikan oleh Tuan Haji Mohamed Fariz bin Ghazali, Ketua Pegawai Operasi InfraSel Sdn. Bhd.<br><br><u>*Sesi soal jawab*</u><br><br>1. YBhg. Dato' Pengerusi ingin tahu jumlah peruntukan yang dibayar oleh pihak JKR kepada pihak InfraSel.<br><br>*Dimaklumkan peruntukan yang dibayar oleh pihak JKR adalah sebanyak RM80 juta setahun termasuklah peruntukan untuk pembangunan sistem. Untuk pihak MPKL, pihak InfraSel mencadangkan peruntukan MARRIS sebanyak RM12 juta setahun.*<br><br>2. YBhg. Dato' Pengerusi mencadangkan jaringan jalan di Sistem AIRA adalah menggunapakai sistem GIS di MPKL.<br><br>3. Ahli mesyuarat mencadangkan pihak InfraSel mewujudkan satu aplikasi di telefon bimbit dan talian hotline di sistem '*whatsapp*' bagi memudahkan orang awam menyalurkan aduan.<br><br>4. Encik Wong Kim Loon mencadangkan pihak InfraSel memberi keutamaan kepada kontraktor-kontraktor tempatan. | **Makluman** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | 5. Secara dasarnya, MPKL berpuas hati dengan pembentangan oleh InfraSel. Sdn. Bhd. bagi Cadangan Kontrak Jangka Panjang Penyelenggaraan Jalan-Jalan Di Bawah Seliaan MPKL. | |
| **3.0** | **UCAPAN PENGERUSI** | | |
| | YBhg. Dato' Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran Y.A.D. Orang Besar Daerah, Ahli-Ahli Majlis, Pengarah-Pengarah Jabatan dan Ketua-Ketua Unit pada mesyuarat hari ini. | | **Makluman** |
| **4.0** | **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT** | | |
| | **4.1** | **MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BILANGAN 8 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 29 OGOS 2022** | |
| | | Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Abu Bakar bin Mohamad dan disokong oleh Encik Tan Wee King tanpa sebarang pindaan. | **Makluman** |
| **5.0** | **PERKARA-PERKARA BERBANGKIT** | | |
| | 5.1 | - TIADA - | **Makluman** |
| **6.0** | **MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TERCATAT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:** | | |
| | **6.1** | **MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 9 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 6 SEPTEMBER 2022** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan. | **Makluman** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **6.2** | **MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 9 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 8 SEPTEMBER 2022** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan. | **Makluman** |
| | **6.3** | **MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 9 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 8 SEPTEMBER 2022** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan. | **Makluman** |
| | **6.4** | **MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 9 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN 9 SEPTEMBER 2022** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut: | |
| | i. | **Perkara 4.6 (m.s.6)**<br><br>Cik Ang Lee Yong ingin tahu statistik aduan mengikut jabatan.<br><br>*Dimaklumkan perkara ini akan dibentangkan dalam mesyuarat jawatankuasa akan datang.* | **Makluman** |
| | **6.5** | **MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 9 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 SEPTEMBER 2022** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut: | |
| | i. | Berkenaan krematorium Serdang Belah, YBhg. Dato' Sundararaju memohon perkara ini dibuat tindakan susulan kerana difahamkan minit mesyuarat masih belum dikeluarkan hingga kini. | **JKPM** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 6.6 | **MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 9 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 12 SEPTEMBER 2022** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut: | |
| | i. | **<u>Perkara 4.2 (m.s.4)</u>**<br><br>Encik Zulkipli ingin tahu token yang diberikan kepada orang awam yang telah membayar cukai taksiran secara atas talian (*online*) bagi penggal setahun.<br><br>*Pengarah JP memaklumkan orang awam boleh membuat tuntutan di Unit Hasil, JP.*<br><br>*Berkenaan insentif pembayar cukai taksiran, YAD. Tengku Dato' Mohamed AlHaj mencadangkan pemberian kad 'Touch N Go' berlatar belakang tempat-tempat pelancongan di daerah Kuala Langat.* | **JP** |
| | ii. | **<u>Ringkasan Belanjawan Sebenar 2020 Hingga 2021 Dan Anggaran Belanjawan 2022 Hingga 2023</u>**<br><br>Mesyuarat bersetuju menerima dan meluluskan Ringkasan Belanjawan Sebenar 2020 Hingga 2021 Dan Anggaran Belanjawan 2022 Hingga 2023 seperti di **Lampiran A**. | **Makluman** |
| | 6.7 | **MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 9 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 12 SEPTEMBER 2022** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut: | |
| | i. | **<u>Perkara 5.1.8 (m.s.11)</u>**<br><br>Berkenaan masalah banjir di Jalan Jauhar, Taman Seri Changgang 2, Puan Nor Aishah memaklumkan jalan di kawasan tersebut telah mendap. | **JK** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **7.0** | **MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATAT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:** | | |
| | **7.1** | **MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 15 TAHUN 2022 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 OGOS 2022** | |
| | 7.1.1 | Minit mesyuarat ini telah diambil maklum. | **Makluman** |
| | **7.2** | **MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 16 TAHUN 2022 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 23 OGOS 2022** | |
| | 7.2.1 | Minit mesyuarat ini telah diambil maklum. | **Makluman** |
| **8.0** | **PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN** | | |
| | **8.1** | **<u>KERTAS MESYUARAT NO.1</u>**<br>**PEMBENTANGAN KERTAS PEMAKLUMAN LAPORAN LAWATAN PENANDAARASAN PROSEDUR TANGKAPAN LEMBU DI MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH**<br>Laporan telah dibentangkan oleh Pengarah JPK kepada semua ahli mesyuarat. | **JPK** |
| | **8.2** | **<u>KERTAS MESYUARAT NO.2</u>**<br>**INVENTORI DAN PERSEDIAAN MENGHADAPI BANJIR DALAM KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**<br>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk makluman mesyuarat.<br>**<u>Lokasi Kawasan Berisiko Banjir Di Daerah Kuala Langat</u>**<br>i. Terdapat 23 lokasi kawasan berisiko banjir di | **JKP** |

daerah Kuala Langat untuk dijadikan sebagai rujukan bagi menghadapi banjir seperti pelan di bawah:




ii. Perincian kawasan perumahan yang terlibat dalam kawasan berisiko banjir mengikut zon MPP adalah seperti berikut:

| BIL | ZON | KAWASAN | NAMA JALAN | KEDIAMAN | KOMERSIAL | PENDUDUK |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | En. Razali b. Ahmad ZON 2 | Kg Batu 9 Kebun Baru | Taman Bentara | 2924 | - | 11696 |
| 2 | En. Razali b. Ahmad ZON 2 | Taman Perwira | Taman Perwira | 484 | 56 | 1936 |
| 3 | En. Haridass a/l Ramasamy ZON 6 | Taman Seri Jaromas | Taman Seri Jaromas | 784 | 260 | 3136 |
| 4 | YAD Tengku Dato' Mohamed Alhaj b. Tengku Harun ZON 7 | Bandar Saujana Putra (BSP 1, 2, 9 & 10) | - | 2533 | 75 | 10132 |
| 5 | En. Lim Lip Suan ZON 4 | Jalan Telok Mengkuang | Taman Dato' Hormat | 1772 | 49 | 7088 |
| 6 | En. Lim Lip Suan ZON 4 | Jalan Perepat (Taman Dato' Hormat) | Jalan Mengkuang 40 | 30 | - | 120 |
| | | | Jalan Mengkuang 44 | 30 | - | 120 |
| | | | Jalan Mengkuang 46 | 10 | - | 40 |
| | | | Jalan Mengkuang 48 | 30 | - | 120 |
| | | | Jalan Mengkuang 56 | 21 | - | 84 |
| | | | Jalan Mengkuang 60 | 22 | - | 88 |
| | | | Jalan Mengkuang 66 | 27 | - | 108 |
| 7 | En. Lim Tou Yih ZON 19 | Jalan Sultan Abdul Samad | Pusat Perdagangan Banting | - | 68 | |
| | | | Taman Seri Banting | 122 | - | 488 |
| | Cik Ang Lee Yong ZON 15 | | Taman Muhibbah | 680 | 26 | 2720 |
| | | | Taman Sari | 481 | - | 1924 |
| | | | Taman Delima | 1036 | 43 | 4144 |
| 8 | Cik Ang Lee Yong ZON 15 | Kg Sg Nangka | Taman Banting Mewah | 368 | 5 | 1472 |
| | | | Taman Seri Bunut | 178 | - | 712 |
| | | | | | | |

| BIL | ZON | KAWASAN | NAMA JALAN | KEDIAMAN | KOMERSIAL | PENDUDUK |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 9 | En. Mohd Afiq b. Mohd Tuniman ZON 18 | Batu 6, Kg Kelanang | Taman Seri Kelanang | 20 | - | 80 |
| 10 | En. Norazmi b. Mohamed Tahir ZON 5 | Kg Batu 10 Kebun Baru | Taman Jaya Utama | 1131 | 115 | 4524 |
| | | | Taman Satria | 217 | - | 868 |
| | | | Taman Nakhoda | 361 | - | 1444 |
| | | | Taman Srikandi | 320 | - | 1280 |
| 11 | En. Norazmi b. Mohamed Tahir ZON 5 | Taman Pahlawan | | 552 | 22 | 2208 |
| 12 | En. Norazmi b. Mohamed Tahir ZON 5 | Jalan Masjid (Taman Nakhoda) | Jalan Bahtera 5/3 | 16 | - | 64 |
| | | | Jalan Bahtera 2 | 10 | - | 40 |
| | | | Jalan Bahtera 14 | 20 | - | 80 |
| | | | Jalan Bahtera 16 | 20 | - | 80 |
| | | | Jalan Bahtera 18 | 9 | - | 36 |
| 13 | En. Norazmi b. Mohamed Tahir ZON 5 | Lorong Puyuh (Taman Nakhoda) | Jalan Bahtera 2/11 | 25 | - | 100 |
| | | | Jalan Bahtera 3/31 | 5 | - | 20 |
| | | | Jalan Bahtera 3/16 | 26 | - | 104 |
| | | | Jalan Bahtera 3/18 | 4 | - | 16 |
| | | | Jalan Bahtera 3/20 | 12 | - | 48 |
| | | | Jalan Bahtera 3/22 | 9 | - | 36 |
| | | | Jalan Bahtera 3/14 | 14 | - | 56 |
| | | | Jalan Bahtera 3/10 | 30 | - | 120 |
| 14 | En. Norazmi b. Mohamed Tahir ZON 5 | Jalan Teratai (Taman Nakhoda) | Jalan Bahtera 6/23 | 23 | - | 92 |

| BIL | ZON | KAWASAN | NAMA JALAN | KEDIAMAN | KOMERSIAL | PENDUDUK |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 15 | En. Norazmi b. Mohamed Tahir ZON 5 | Jalan Melati (Taman Satria) | Jalan Satria 58 | 28 | - | 112 |
| | | | Jalan Satria 30 | 21 | - | 84 |
| 16 | Pn. Nor Aishah bt. Abdul Majis ZON 12 | Taman Langat Murni | Taman Langat Murni | 1214 | 58 | 4856 |
| 17 | Pn. Nor Aishah bt. Abdul Majis ZON 12 | Kg Bukit Changgang | Taman Seri Maju | 74 | - | 296 |
| | | | Taman Changgang Jaya | 440 | - | 1760 |
| | | | Taman Seri Changgang 1 | 105 | - | 420 |
| | | | Taman Seri Changgang 2 | 104 | - | 416 |
| | | | Taman Seri Changgang 3 | 24 | - | 96 |
| | | | Taman D Menara | 334 | 14 | 1336 |
| 18 | Pn. Nor Aishah bt. Abdul Majis ZON 12 | RTB Bukit Changgang | Taman Langat Utama | 286 | 61 | 1144 |
| | | | Taman Langat Utama 2 | 56 | - | 224 |
| | | | Taman Langat Utama 3 | 633 | - | 2532 |
| 19 | Tn. Hj. Zulkeipli b. Said ZON 21 | Kg Labohan Dagang | Taman Seri Dagang 2 | 30 | - | 120 |
| | | | Taman Seri Dagang 3 | 30 | - | 120 |
| 20 | En. Gan Yee Chin ZON 13 | Kg Olak Lempit | Taman Desa Idaman | 187 | - | 748 |
| | | | Taman Merpati | 82 | - | 328 |
| | | | Taman Merbah | 262 | - | 1048 |
| | | | Taman Bajuri | 64 | - | 256 |
| | | | Taman Cenderawasih | 147 | 1 | 588 |
| | | | Taman Nuri Indah | 54 | - | 216 |
| 21 | En. Tan Wee King ZON 8 | Jalan Bandar Lama | Taman Perkasa | 30 | - | 120 |
| 22 | En. Naharanuar bin Ayob ZON 20 | Kg Kanchong Darat | Taman Desa Jaya | 57 | - | 228 |
| | | | Taman Bersatu | 64 | 7 | 256 |
| | En. Mohd Safiee bin Harun ZON 22 | Kg Kanchong Darat | Taman Kenanga | 204 | 4 | 816 |
| | | | Taman Orkid | 132 | - | 528 |
| | | | Taman Mesra | 36 | - | 144 |
| | | | Taman Seri Damai | 25 | - | 100 |
| | | | Taman Damai | 236 | 10 | 944 |
| | En. Mohd Afiq b. Mohd Tuniman ZON 18 | Kg Kanchong Darat | Taman Damai Indah | 75 | 13 | 300 |
| 23 | En. Abd. Razak b. Raml ZON 16 | Kg Sg Buaya | Taman Seri Pelangi | 91 | 29 | 364 |
| | | | Taman Permai | 150 | - | 600 |

iii. Jumlah keseluruhan taman perumahan, jumlah unit kediaman, jumlah unit komersial yang terlibat dalam kawasan berisiko banjir di daerah Kuala Langat adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Taman perumahan | 50 taman |
| Kediaman | 19,189 unit |
| Komersial | 974 unit |
| Jumlah Penduduk | 76,756 orang |

**<u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u>**

Mesyuarat mengambil maklum kertas mesyuarat ini.

| | | | |
|---|---|---|---|
| **9.0** | **UCAPAN PENANGGUHAN** | | |
| | Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Haridass a/l Ramasamy, | | |
| | i. | Beliau mengucapkan Selamat Sejahtera kepada YBhg. Dato' Yang Dipertua, Y.A.D. Dato' Orang Besar Daerah, Setiausaha, Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan. | **Makluman** |
| | ii. | Ucapan terima kasih kepada pucuk pimpinan parti dan Negeri kerana memberi peluang kepada beliau menjadi Ahli Majlis di MPKL. Sepanjang beliau bergelar Ahli Majlis, banyak pengalaman baru, suka duka dan peristiwa menarik yang beliau perolehi.<br><br>Antaranya beliau dapat menyaksikan kenaikan taraf status Majlis Daerah ke Majlis Perbandaran pada beberapa tahun yang lepas. Kenaikan taraf tersebut bukan sahaja memberi kesan dan makna yang besar kepada warga tempatan malah menyuntik semangat beliau untuk menjadi ahli pasukan yang lebih komited dalam memastikan kehidupan warga Kuala Langat berada di tahap terbaik dengan kemudahan infrastruktur berada di kedudukan yang tersendiri. Dengan pelbagai anugerah dan pengiktirafan yang diterima, sudah menjadi bukti bahawa pihak MPKL boleh dinaikkan ke peringkat seterusnya. | **Makluman** |
| | iii. | Walau bagaimanapun, ada beberapa penambahbaikan yang perlu dilakukan terutamanya berkaitan siar raya, imej dan kaedah sebaran maklumat untuk seluruh penduduk di daerah Kuala Langat. Sebagai contoh, baru-baru ini beliau dikejutkan dengan tindakan pihak Majlis menyiarkan aktiviti program wakil rakyat pembangkang dalam saluran media khususnya di laman sosial '*facebook*'. Tindakan ini telah mengundang kecaman dari pelbagai pihak dan mendapat teguran dari pucuk pimpinan Negeri. Diharap perkara ini tidak berlaku lagi di masa akan datang. | **Makluman** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | iv. | Pada masa ini, majoriti rakyat masih dalam proses pemulihan setelah mengalami waktu sukar sepanjang dilanda wabak Covid-19. Ditambah lagi dengan krisis ekonomi negara yang jelas telah memburukkan lagi keadaan. Rakyat pada hari ini terhimpit dengan kenaikan harga barang keperluan harian, kenaikan kadar BFR/BLR yang berkait dengan perumahan, kenaikan harga barang binaan, pertanian, perikanan dan ternakan. Ini semua memberi impak yang besar kepada seluruh rakyat terutamanya penduduk Kuala Langat.<br><br>Seterusnya, beliau berharap untuk tahun akan datang, MPKL perlu lebih mesra dan cakna akan segala masalah rakyat. Diharap pihak Majlis dapat memperbanyakkan promosi bagi semua sektor industri berskala kecil seperti homestay, penjenamaan semula gerai-gerai kecil majlis atau mempergiatkan semula program eco pelancongan. Sektor perindustrian juga boleh dirancakkan lagi dengan usaha keras menarik lebih ramai pelabur luar seiring dengan kerjasama Pihak Berkuasa Negeri. Ibarat kata pepatah,<br>Carik-carik bulu ayam,<br>Akhirnya bertaut juga,<br>Bulat air kerana pembentung,<br>Bulat manusia kerana muafakat. | **Makluman** |
| | v. | Akhir kata, beliau memohon maaf sekiranya tersalah kata dan terguris perasaan sepanjang beliau bergelar Ahli Majlis. Semoga pihak Majlis terus maju dan berjaya mengharungi cabaran dan seterusnya dapat memberi khidmat bakti kepada seluruh rakyat di daerah Kuala Langat. | **Makluman** |
| **10.0** | | **UCAPAN PENUTUP OLEH PENGERUSI** | |
| | | YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Encik R. Haridass atas ucapan penangguhan pada hari ini. Seterusnya, beliau menangguhkan mesyuarat pada hari ini. | **Makluman** |

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.40 petang.

Disediakan oleh :

Urus setia Mesyuarat,
Bahagian Pentadbiran,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Kuala Langat

*Tarikh : 3 Oktober 2022*

Disemak oleh :

………………………………………………

**(TPr HAJI ARPAAII BIN HAJI SANAT,** *A.M.S., P.P.T., P.K.T.***)**
Setiausaha,
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Disahkan oleh :

**……………………………………**

**(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM,** *D.I.M.P.***)**
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh …………………………………… dan disokong oleh ……………………………………………………………………………...

**PETUNJUK :**

1. JKP - JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP - JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH - JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL - JABATAN PELESENAN
5. JPP - JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
6. JK - JABATAN KEJURUTERAAN
7. JKB - JABATAN KAWALAN BANGUNAN
8. JL - JABATAN LANDSKAP
9. JKPM - JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
10. JPK - JABATAN PENGUATKUASAAN
11. JPSPKP- JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN
12. BTM - BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

13. UU - UNIT PERUNDANGAN
14. UAD - UNIT AUDIT DALAM
15. OSC - UNIT PUSAT SETEMPAT
16. COB - UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
17. UPUB - UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN

*lynda/mesyuarat mpkl9/2022*